| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | DBKU lancar empat inisiatif untuk mantapkan perkhidmatan | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 12 Nov 2011 | Color | Black/white |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 2 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 172 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 391 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,173 |



# DBKU lancar empat inisiatif untuk mantapkan perkhidmatan

KUCHING, Jumaat — Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) melancar secara rasmi empat inisiatif baru bagi mempertingkatkan perkhidmatannya kepada rakyat.

Keempat-empat merangkumi sistem e-Pesanan Kontrak (e-Pec), sistem maklumat geografi Kuching Utara (GISKU), sistem Inventori Pokok (SIP) dan juga 'War Cry DBKU'.Menurut Datuk Bandarnya, Datuk Abang Wahap Abang Julai, e-Pec ialah cetusan inovasi yang dapat memantau perkembangan setiap perolehan, bermula dengan permohonan, penyampaian perkhidmatan hingga kepada pembayaran.

"Dicetuskan oleh Bahagian Kontrak dan Perolehan, ia dapat membantu meningkatkan produktiviti selaras dengan arahan kerajaan membuat pembayaran dalam tempoh 14 hari.

"Kita yakin dengan adanya penambahbaikan seumpama ini, ia mampu memperkemaskan lagi imej dan kecekapan warga kerja DBKU dalam sistem perkhidmatan," ujarnya.

Beliau berkata, GISKU yang dibangun dengan kehendak semasa pula mengandungi 68 lapisan peta guna tanah bagi 49 jenis maklumat spatial untuk semua kawasan pentadbiran DBKU.

"Apa yang membanggakan saya ialah sistem ini dibangun sepenuhnya oleh Bahagian Perancangan DBKU sendiri tanpa menggunakan khidmat konsultan yang boleh menelan kos lebih daripada RM5 juta.

"Ia akan memberi manfaat dalam capaian maklumat seperti pelancongan, pendidikan, penyelidikan, perancangan dan pembangunan fizikal, perniagaan dan juga perindustrian," jelasnya.

Selain e-Pec dan GISKU, DBKU juga memperkenal SIP yang merupakan program perkongsian pintar antara Bahagian Landskap DBKU dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Sistem ini mempunyai inventori bagi merekod maklumat pokok seperti tinggi, ukurlilit, jarak teduhan, gambar pokok dan jadual pemeriksaan berjadual ke atas pokok tersebut), di samping jumlah dan jenisnya di satu-satu lokasi.

Abang Wahap berkata, ini bagi membolehkan DBKU mengukur tahap risiko dan keperluan pelan penambahbaikan bagi mengurang

Powered by: MediaBanc
Be informed

| Headline | DBKU lancar empat inisiatif untuk mantapkan perkhidmatan | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 12 Nov 2011 | Color | Black/white |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 2 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 172 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 391 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,173 |

risiko berkenaan.

"Bagi inisiatif terakhir, ia adalah inovasi yang memberi penekanan kepada aspek penerapan teras-teras perpaduan dan nilai-nilai aspirasi yang seakan-akan seruan gagasan Satu Malaysia juga."

Dalam perkembangan berlainan, majlis itu dijangka menerima satu lagi anugerah di peringkat antarabangsa sebagai mengiktiraf penjagaan udara berkualiti di bandar raya ini.

Dinamakan Asean Environmentally Sustainable City Award 2011 (Certificates of Recognition Clean Air), ia merupakan kilauan anugerah ke-59 DBKU kini bagi peringkat negeri, kebangsaan dan juga antarabangsa.

Penyampaiannya dijadual pada 23 November 2011 di Bali, Indonesia.

Powered by: MediaBanc Be informed